



Rujukan Kami: KPM(B) 801022085667

Tarikh : 16 OCT 2014

HO KOK HOE

52, SELASAR ROKAM 4, TAMAN IPOH JAYA, 31350 IPOH

PERAK

31350 IPOH

PERAK

Tuan / Puan,

### **SURAT TAWARAN PROGRAM PEMBIAYAAN MyPhD**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian ini bersetuju menawarkan kepada tuan/puan Program Pembiayaan MyPhD seperti berikut:

Peringkat	: PhD
Kursus	: DOCTOR OF PHILOSOPHY (ENGINEERING)
IPT	: UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN
Tempoh Pembiayaan	: 1 OCT 2014 - 30 SEP 2018 (48 bulan)
Kategori	: P2
Mod Pengajian	: SEPARUH MASA

3. Tawaran pembiayaan ini adalah mengikut **Syarat dan Terma Pembiayaan** seperti di **Lampiran A** dan dibaca sebagai sebahagian daripada Surat Tawaran Program. Bentuk pembiayaan yang disediakan adalah mengikut kategori yang ditetapkan seperti di **Lampiran B**.

4. Sekiranya tuan/puan bersetuju menerima tawaran ini mengikut syarat yang telah ditetapkan, sila muat turun Borang Perjanjian dan melengkapkannya dalam **tiga (3)** salinan mengikut garis panduan yang telah diberikan dan mengemukakan Borang Perjanjian tersebut kepada Bahagian Biasiswa, KPM dalam tempoh **14 hari** dari tarikh surat tawaran ini. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan pembiayaan ini ditarik balik dan terbatal.

5. **Sila ambil perhatian** bahawa tuan/puan adalah bertanggungjawab untuk menyerahkan **satu (1) salinan** Surat Tawaran Program kepada Bendahari IPT dan Sekolah Pengajian Siswazah IPT serta memastikan invois yuran pengajian bagi setiap semester dihantar ke Bahagian Biasiswa, KPM. Tuan/puan juga adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami setiap syarat dan terma yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**Bahagian Biasiswa  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia**

*Nota: Surat ini adalah cetakan komputer dan tandatangan tidak diperlukan.*

## BENTUK PEMBIAYAAN MyPhD

BIL	KATEGORI	YURAN PENGAJIAN	ELAUN SARA HIDUP	ELAUN BANTUAN TESIS	ELAUN BANTUAN JURNAL
1	<b>P1:</b> Orang awam tidak bekerja dan tidak berpendapatan tetap	Tidak melebihi RM 24,000	Tidak melebihi RM 2,300 / bulan	Tidak melebihi RM 3,000	Tidak melebihi RM 2,000
2	<b>P2:</b> Kakitangan Swasta	Tidak melebihi RM 24,000	Tiada	Tidak melebihi RM 3,000	Tidak melebihi RM 2,000
3	<b>P3:</b> Pensyarah IPTS	Tidak melebihi RM 24,000	Tiada	Tidak melebihi RM 3,000	Tidak melebihi RM 2,000
4	<b>P4:</b> Kakitangan kerajaan / badan berkanun / IPTA (kontrak/sambilan/semestara)	Tidak melebihi RM 24,000	Tiada	Tidak melebihi RM 3,000	Tidak melebihi RM 2,000
5	<b>P5:</b> Pesara kerajaan / badan berkanun / IPTA	Tidak melebihi RM 24,000	Tiada	Tidak melebihi RM 3,000	Tidak melebihi RM 2,000

## Nota :

- a. Yuran pengajian tidak melebihi **RM24,000** untuk keseluruhan tempoh pembiayaan yang diluluskan. Yuran pengajian yang dibiayai tidak termasuk deposit, wang hemat diri dan yuran penginapan.
- b. Tempoh pembiayaan dikira bermula pada **semester semasa** bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian atau **mengikut surat tawaran IPT** bagi yang belum memulakan pengajian. Jika pelajar memohon pembiayaan di akhir sesuatu semester, pelajar akan ditaja mulai semester berikutnya.
- c. Elaun Bantuan Tesis dan Elaun Bantuan Jurnal dibayar **sekali sahaja** sepanjang tempoh pengajian dan tertakluk kepada siling yuran pengajian yang masih berbaki.
- d. Elaun Sara Hidup akan dibayar kepada **Kategori P1** untuk tempoh pembiayaan yang diluluskan dan pelanjutan kali pertama sahaja (tertakluk kepada justifikasi permohonan).

## SYARAT DAN TERMA PEMBIAYAAN MyPhD

### 1. KEMUDAHAN DAN ELAUN

Semasa mengikuti pengajian, pelajar adalah layak menerima kemudahan dan elaun mengikut kategori seperti yang tersebut di **Lampiran B** tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

#### 1.1 Yuran Pengajian

Maksimum pembiayaan bagi pelajar peringkat Ijazah Kedoktoran adalah **tidak melebihi RM24,000** untuk keseluruhan tempoh pembiayaan sebagaimana yang terkandung di dalam Surat Tawaran Program. Yuran pengajian yang dibiayai TIDAK termasuk deposit, wang hemat diri dan yuran penginapan. Pembiayaan yuran akan dibayar oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terus kepada pihak IPT. Sekiranya tempoh tajaan telah tamat tetapi masih mempunyai baki daripada RM24,000 tersebut, maka ia tidak akan dibayar kepada pelajar. Selain itu, sekiranya yuran pengajian **melebihi daripada RM24,000**, maka ia hendaklah ditanggung oleh pelajar sendiri.

#### 1.2 Elaun Sara Hidup

Pelajar yang layak menerima Elaun Sara Hidup akan dibayar oleh KPM terus ke akaun pelajar mengikut jadual pembayaran yang ditetapkan KPM. Pembayaran hanya akan dibuat selepas disahkan pelajar telah mendaftar dan memulakan pengajian di IPT.

#### 1.3 Elaun Bantuan Tesis

Pelajar yang layak menerima Elaun Bantuan Tesis akan dibayar oleh KPM sekali sahaja di sepanjang tempoh pengajian. Pembayaran akan dibuat setelah pelajar mengemukakan satu (1) salinan tesis beserta Borang Bantuan Tesis kepada Bahagian Biasiswa, KPM. Walau bagaimanapun, pembayaran adalah tertakluk kepada baki daripada had peruntukan yuran pengajian pelajar.

#### 1.4 Elaun Bantuan Jurnal

Pelajar yang layak akan dibayar Elaun Bantuan Jurnal sekali sepanjang tempoh pengajian. Pembayaran akan dibuat setelah pelajar mengemukakan satu (1) salinan jurnal beserta Borang Bantuan Jurnal kepada Bahagian Biasiswa, KPM. Walau bagaimanapun, pembayaran adalah tertakluk kepada baki daripada had peruntukan yuran pengajian pelajar.

### 2. PENERIMAAN GAJI, BAYARAN DAN PENAJAAN LAIN

**2.1** Sekiranya pelajar menerima sebarang pekerjaan tetap atau kontrak dan menerima gaji bulanan secara tetap atau menerima pembiayaan daripada lain-lain penaja (kecuali pinjaman pelajaran dan Elaun Pembantu Penyelidik Siswazah) dalam tempoh pembiayaan yang ditetapkan KPM, maka pelajar adalah bertanggungjawab melaporkan penerimaan pekerjaan atau pembiayaan tersebut kepada Bahagian Biasiswa, KPM.

**2.2** Jika pembiayaan diteruskan disebabkan kecuaiian atau kegagalan pelajar melaporkan perkara tersebut, KPM berhak membuat tindakan tuntutan bayaran balik ke atas jumlah yuran atau perbelanjaan lain yang telah dibayar.

- 2.3** KPM juga berhak menamatkan pembiayaan bagi pelajar yang menerima sebarang pekerjaan tetap atau kontrak sebagai pegawai Kerajaan/badan berkanun dalam tempoh pembiayaan dan membuat tindakan tuntutan bayaran balik sama ada pelajar melaporkan perkara tersebut atau tidak.
- 2.4** Sekiranya pembayaran yuran dibuat melebihi tempoh dan had pembiayaan yang ditetapkan, KPM berhak pada bila-bila masa menuntut jumlah tersebut daripada pelajar dan penjamin.

### **3. TANGGUNGJAWAB PELAJAR**

#### **3.1 Surat Tawaran dan Invois**

Pelajar adalah bertanggungjawab untuk menyerahkan satu (1) salinan Surat Tawaran Program kepada Bendahari IPT dan Sekolah Pengajian Siswazah IPT masing-masing serta memastikan invois yuran pengajian bagi setiap semester dihantar ke Bahagian Biasiswa, KPM.

#### **3.2 Alamat Surat-Menyurat**

Pelajar bertanggungjawab memaklumkan kepada Bahagian Biasiswa, KPM secara bertulis alamat surat menyurat dan nombor telefon terkini sekiranya terdapat sebarang perubahan. Semua urusan surat menyurat KPM akan dibuat kepada alamat tersebut. Kegagalan pelajar untuk berbuat demikian boleh menyebabkan penggantungan bayaran yuran pengajian.

#### **3.3 Pelanjutan Tempoh Pembiayaan**

KPM hanya akan membiayai yuran pengajian dalam tempoh yang telah ditetapkan sebagaimana Surat Tawaran Program. Sebarang pelanjutan melebihi tempoh tersebut perlu mendapat kebenaran secara bertulis daripada KPM.

#### **3.4 Pertukaran Kursus, Peringkat Pengajian, Mod Pengajian, IPT, Tajuk Penyelidikan atau Penangguhan Pengajian**

Sebarang pertukaran kursus, peringkat pengajian, mod pengajian, IPT, tajuk penyelidikan atau penangguhan pengajian selain yang dinyatakan dalam Surat Tawaran Program perlu mendapat kebenaran secara bertulis daripada KPM.

#### **3.5 Laporan Kemajuan Pengajian**

Pelajar hendaklah mengemukakan laporan kemajuan pengajian setiap semester pengajiannya kepada Bahagian Biasiswa, KPM. Kegagalan pelajar untuk berbuat demikian boleh menyebabkan penggantungan bayaran yuran pengajian.

#### **3.6 Keputusan Pengajian**

Pelajar adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada KPM keputusan pengajian sama ada berjaya ataupun tidak dalam masa **30 hari** selepas tamat tempoh pembiayaan. Bagi yang berjaya, sesalinan Ijazah Kedoktoran yang telah disahkan perlu dikemukakan ke Bahagian Biasiswa, KPM.

#### **4. PENAMATAN PEMBIAYAAN**

- 4.1** Pelajar adalah bertanggungjawab atas sebarang maklumat yang dikemukakan kepada KPM bagi tujuan pembiayaan ini. Sekiranya didapati pelajar mengemukakan maklumat yang tidak tepat/sahih, maka KPM berhak untuk menamatkan pembiayaan ini dengan serta-merta dan membuat tuntutan bayaran balik ke atas perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh pihak KPM kepada pelajar.
- 4.2** Pelajar adalah bertanggungjawab untuk sentiasa mematuhi syarat permohonan, syarat tawaran dan terma perjanjian yang telah ditetapkan. Kegagalan pelajar untuk berbuat demikian boleh menyebabkan pembiayaan yang diberikan ditamatkan dan pelajar akan dikehendaki untuk membayar balik apa-apa kos yang telah dibayar oleh KPM.
- 4.3** KPM boleh meluluskan permohonan pelajar untuk membatalkan atau menamatkan pembiayaan ini atas apa-apa alasan tetapi pelajar tersebut perlu membayar balik keseluruhan kos yang telah dibelanjakan oleh KPM kepadanya.

#### **5. HAK KPM**

Walau apapun peruntukan yang dinyatakan dalam syarat-syarat ini, KPM berhak meminda apa-apa syarat pembiayaan ini dari semasa ke semasa dan pelajar serta penjamin adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut.